

# **KEBERKESANAN KEMPEN ANTI KUTU SAMPAH: KAJIAN KES DI PEKAN TANJUNG ARU**

**ZAINUDDIN BIN SABU  
HA2006-4929**

**Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat-syarat bagi Ijazah  
Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian  
(Komunikasi)**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**

4000017166

167-HC/L-

SULIT

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## BORAATI PENGESAHAN TESIS TUGAS TEKSISS

JUDUL: KEBERKESANAN EPMEN ANTI CUCU SAMPAH:

KAJIAN TERDIPLOMATIK TANJUNG ARU

DAZAH: SERJANA HODA SANI SALSAL

SPAYA: JAUQODIN BN SABU

SESI PEMBAHASAN: 2009

(HURUF BESAR)

Mengaku mbenarkan tesis (LPSN/Sarjana/Doktor Salsafahy ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan peruntukan antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGANI PENULIS)

(TANDATANGANI PERPUSTAKAWAN)

EN. DZIKIKIFLEE ABDULLAH

Name Pengaruh

Alamat Tempat: KG. IRAN PBS 18,

9010 SANDAKAN

Tarikh: 11-JUN-2009 .

Tarikh: 11 JUN 2009

CATATAN: - Potongan yang tidak berkenaan.

Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat ceripada pihak berkuasa organisasi berkenan dengan menyatakan bahawa sebat dan tempoh tesis ini perlu dilaksanakan semangai SULIT dan TERHAD.

Jika tesis dilaksanakan semangai tesis bagi ijazan Doktor Persefian dan Sarjana secara penyelepasan atau disertasi i.e. pengajian secara lepas kursus dan Laporan Projek Sarjana / Ijaza (LPSN).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017166




# UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN PENYELIA

Latihan Ilmiah yang bertajuk **Keberkesanan Kempen Anti Kutu Sampah: Kajian Kes Di Pekan Tanjung Aru** yang disediakan oleh **Zainuddin bin Sabu** nombor matrik **HA2006-4929**. bagi memenuhi syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Kepujian (Komunikasi) Universiti Malaysia Sabah.

**Disahkan oleh**



(Dzulkiflee Abdullah Binsin)

Penyelia Latihan Ilmiah.

Dzulkiflee Abdullah Binsin  
Pensyarah Program Komunikasi  
Sarjana Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sabah

**Pemeriksa Kedua**



(Encik Lee Kuok Tiung )

LEE KUOK TIUNG  
Pensyarah Program Komunikasi  
Sekolah Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sabah



## PENGAKUAN PELAJAR

**Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah ini adalah usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan yang setiap satunya saya nyatakan sumber**

**Disediakan**



**Tandatangan**

**Nama Pelajar: Zainuddin bin Sabu**

**No Matrik : HA2006-4929**

**Tarikh : 11 Jun 2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan atas segala keberkatan yang diberikanNYA kepada saya dalam menghasilkan Latihan Ilmiah ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Latihan Ilmiah ini sehingga pada akhirnya saya telah berjaya menyiapkannya.

Terdahulu saya ingin memberikan ucapan terima kasih saya kepada Encik Dzulkiflee Abdullah Binsin selaku penyelia akademik saya kerana telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat semasa saya menghasilkan Latihan Ilmiah ini. Selain itu juga, saya merakamkan penghargaan kepada Ibubapa dan keluarga saya kerana sentiasa mendoakan kejayaan saya. Jasa dan pengorbanan kalian tidak dapat saya lupakan.

Tidak lupa jasa baik semua jabatan kerajaan yang telah menyumbangkan data-data yang berkaitan dengan tesis ini. Rakan-rakan saya yang banyak membantu dan memberikan idea kepada saya, terima kasih diucapkan.

Sekian terima kasih.



## ABSTRAK

### **KEBERKESANAN KEMPEN ANTI KUTU SAMPAH . SATU KAJIAN KES DI PEKAN TANJUNG ARU.**

Penyelidikan yang dilakukan adalah mengenai keberkesanan kempen anti kutu sampah. Kajian kes di Pekan Tanjung Aru. Objektif kajian adalah melihat sejauhmana kesan kempen anti kutu sampah dalam mempengaruhi orang awam sama ada kempen ini mendapat sambutan atau sebaliknya, pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dapat melihat media sama ada media cetak dan elektronik yang sesuai digunakan dalam menjalankan kempen anti kutu sampah dan pengkaji ingin membuat penilaian kepada faktor utama yang menyebabkan mereka tidak sedar terhadap kempen anti kutu sampah ini. Kaedah yang digunakan adalah kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen kajian borang soal selidik. Populasi yang hendak dikaji adalah penduduk Pekan Tanjung Aru. Hasil kajian menunjukkan bahawa kempen anti kutu sampah sesuatu kempen yang perlu diteruskan dan di manfaatkan agar menjamin kebersihan di kalangan masyarakat.



## **ABSTRACT**

### **EFFECTIVENESS OF THE ANTI LITTER CAMPAIGN: A CASE IN TANJUNG ARU TOWN**

*The study was conducted to determine the effectiveness of the anti-litter campaign in Tanjung Aru town. The objectives of the study are to see the effectiveness of the campaign in influencing the public's response toward the campaign, to determine which medium is more effective in helping the Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) to carry out the campaign and the study also tries to determine the reason of the public's unawareness of the campaign. The mythology used is survey with questionnaires. The respondents are those residing in Tanjung Aru town. The study found that the campaign should be continued so as to ensure that cleanliness would be observed by the town people.*



## ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

PENGESAHAN PENYELIA	i
PENGAKUAN PELAJAR	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
DAFTAR SINGKATAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Batasan dan fokus kajian	11
1.8 Hipotesis Kajian	11

### **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	12
2.2 Faktor-Faktor yang mempengaruhi pembuangan sampah	15
2.3 Pengurusan sampah-sarap	16
2.4 Program Kitar Semula	19
2.5 Pengkomposan	20
2.6 Kerangka Teori	24



**BAB 3 KAEDEH KAJIAN**

3.1 Rekabentuk Kajian	26
3.2 Lokasi Kajian	27
3.3 Pengumpulan Data	29
3.4 Definisi Konseptual	32
3.5.Definisi Operasional	35

**BAB 4 ANALISIS DATA KAJIAN****Analisis Data Kajian**

Bahagian A Demografi Responden	38
Bahagian B Mengenai Kempen anti kutu sampah	45
Bahagian C Pendapat Responden	48

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	55
5.2 Implikasi Teori dalam Kajian	57
5.3 Masalah dan Batasan Kajian	58
5.4 Cadangan Kajian	59
5.5 Kesimpulan	62

**SENARAI RUJUKAN** 64**LAMPIRAN**

Borang soal selidik

Gambar



**DAFTAR SINGKATAN/SIMBOL/ISTILAH**

DBKK	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
SPSS	Statistical Package Of Social Sciences
RM	Ringgit Malaysia
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
USM	Universiti Sains Malaysia



## SENARAI JADUAL

Nombor Jadual	Muka surat
Jadual 1 Jumlah responden	38
Jadual 2. Senarai kaum responden	38
Jadual 3. Senarai mengikut Agama Responden	39
Jadual 4 Senarai jantina responden	40
Jadual 5 Senarai umur Responden	41
Jadual 6. Senarai pekerjaan responden	42
Jadual 7. Senarai Pendapatan responden	43
Jadual 8. Senarai tahap pendidikan responden	44
Jadual 9. Kekerapan responden yang terdedah kepada kempen anti kutu sampah	45
Jadual 10 Saluran yang pernah dikuti oleh responden untuk mengetahui tentang kempen anti kutu sampah	46
Jadual 11 Adakah kempen anti kutu sampah menarik responden	47
Jadual 12. Kesedaran bahawa kempen anti kutu sampah adalah merupakan asas kepada kebersihan	47
Jadual 13. Kempen anti kutu sampah berkesan di Pekan Tanjung Aru	48
Jadual 14. Media memainkan peranan penting dalam pelaksanaan kempen anti kutu sampah	49
Jadual 15. Promosi kempen anti kutu sampah yang dilaksanakan oleh pihak DBKK berjaya	49
Jadual 16. Promosi kempen melalui poster dan kain rentang di jalanraya amat berkesan	50
Jadual 17. Untuk menjayakan kempen anti kutu sampah memerlukan kerjasama pelbagai pihak	51
Jadual 18. Orang awam perlu didedahkan dengan pelaksanaan kempen anti kutu sampah	51
Jadual 19. Aktiviti kempen anti kutu sampah perlu diamalkan oleh semua orang	52



Jadual 20. Kempen anti kutu sampah ini adalah amalan yang baik	52
Jadual 21. Kempen anti kutu sampah diletakkan dibahu orang awam bukan hanya pada kerajaan.	53
Jadual 22. Tanggungjawab dipikul oleh orang ramai dengan tidak membuang sampah	53
Jadual 23 Untuk menjaga kebersihan harus memainkan peranan masing – masing (contohnya mengutip sampah dan memasukkan dalam tong sampah)	54



## SENARAI RAJAH

<b>No.Rajah</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1. Model Asimetrik Dua Hala	25
Rajah 2 Lokasi kawasan kajian (Pekan Tanjung Aru)	28
Rajah 3. Kekerapan mengikut kaum responden	39
Rajah 4 Kekerapan mengikut jantina responden kajian	40
Rajah 5. Kekerapan umur responden kajian	41
Rajah 6 Kekerapan pendapatan responden kajian	43
Rajah 7.Kekerapan responden terdedah mengenai kempen anti kutu sampah	45



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pertumbuhan ekonomi di Malaysia secara tidak langsung meningkatkan taraf hidup penduduk setempat melalui pertumbuhan produktiviti dan juga kadar penggunaan pengeluaran. Justeru, ia membawa kepada penggunaan sumber semulajadi yang lebih besar dan pengeksplotasian penggunaan untuk keperluan industri, perniagaan dan juga aktiviti sosial. Maka dengan itu, akan timbul masalah pengurusan sampah.

Malaysia menghasilkan 15,000 tan metrik sampah setiap hari dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menghabiskan 40 hingga 70 peratus perbelanjaan dalam melupuskan sampah-sarap (Majlis Daerah Segamat, 2008). Jutaan ringgit dihabiskan untuk mengangkut dan melupuskan sampah, tetapi negara semakin kesempitan ruang untuk menampung sampah yang dijana setiap hari. Kini sebanyak 230 tapak pelupusan sampah laitu 83 daripadanya telah ditutup dan selebihnya masih beroperasi (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2008).



Isu pembuangan sampah hangat diperkatakan pada masa kini. Bandaraya Kota Kinabalu juga tidak ketinggalan dilanda oleh masalah yang sedemikian berikutan dengan pertumbuhan populasi penduduknya yang kian meningkat. Maka dengan itu, pembuangan sampah yang tidak terurus akan mendatangkan impak yang negatif kepada masyarakat setempat akibat pembuangan sampah yang tidak bersistematik akan menjadikan kesihatan penduduk dan akan menjadikan kualiti visual di kawasan terbabit.

Kota Kinabalu merupakan antara lokasi tumpuan pelancong dan secara tidak langsung mempamerkan imej dan identiti sebenar khususnya bagi negeri Sabah. Kota Kinabalu telah diiktiraf sebagai bandaraya pada 2 Februari 2000. Meskipun Kota Kinabalu telah mencapai status bandaraya, namun kualiti kebersihan masih belum memuaskan. Memandangkan sebahagian kawasan di sekitar Kota Kinabalu masih kurang bersih misalnya Pekan Tanjung Aru (Laporan Akhbar New Sabah Times Online, 03 Februari 2008).

Maka sehubungan dengan itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah melancarkan Kempen Anti Kutu Sampah sebagai langkah untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan membasmi pembuangan sampah di merata-rata tempat. Dengan kata lain, ia adalah sebagai langkah bagi memastikan bahawa kebersihan dan kualiti hidup masyarakat adalah terjamin (Laporan Akhbar New Sabah Times online, 3 Februari 2008).



Pada 3 Mei 2008, pihak DBKK telah melancarkan Kempen Anti Kutu Sampah. Ia telah berlangsung di Padang Merdeka dan seramai 5000 orang telah menyertai program Kempen Anti Kutu Sampah tersebut. Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk menggalakkan orang ramai membantu mengutip sampah di kawasan bandaraya (Laporan Akhbar New Sabah Times Online, 4 Mei 2008).

Kempen Anti Kutu Sampah ini juga adalah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga kebersihan demi kebaikan masyarakat masa kini dan generasi akan datang. Penggunaan media sama ada media cetak dan media elektronik sepatutnya mampu mengurangkan masalah sampah ini kerana membantu menyebarkan maklumat itu kepada masyarakat. Hampir setiap tempat dan jalan mempunyai poster dan risalah tentang Kempen Anti Kutu Sampah ini, tetapi tidak semua mengetahui akan kempen ini.

Sampah-sarap bukan sahaja menjadi masalah di Pekan Tanjung Aru tetapi di kebanyakan tempat yang bergelar bandar atau bandaraya, sama ada di Malaysia atau di negara luar. Kapasiti sampah di sesuatu tempat mempunyai hubungan langsung dengan jumlah penduduk di tempat tersebut. Ini bermakna semakin ramai populasi atau penduduk sesuatu bandar semakin banyak kapasiti sampah-sarap yang dihasilkan (Laporan akhbar Utusan Malaysia Online, 21 November 2008).



Sikap tidak bertanggungjawab penduduk setempat menyebabkan masalah sampah kian berleluasa. Justeru itu, sikap menuding jari dan meletakkan tanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semata-mata tidak wajar kerana setiap individu memainkan peranan yang penting untuk menjaga kebersihan alam sekitar (*Laporan Akhbar Utusan Malaysia Online, 04 Mei 2008*).

## **1.2 Latar Belakang kajian**

Pihak DKKK telah pun melancarkan Kempen Anti Kutu Sampah yang telah dilaksanakan pada tahun 2006. Pada tahun ini pula, ianya telah mula dilancarkan pada 3 Mei 2008 dan kempen ini semakin diperluaskan lagi secara besar-besaran (*Laporan Akhbar Utusan Malaysia Online, 05 September 2008*).

Kempen Anti Kutu Sampah ini ialah satu kempen untuk memerangi kutu sampah dan seterusnya menakluki kawasan-kawasan bandaraya menjadi kawasan tanpa sampah. Manakala kutu sampah ialah individu yang membuang sampah merata tempat. Tujuan kempen ini juga bukan memerangi sampah itu tetapi memerangi kutu sampah yang suka membuang sampah di merata tempat tanpa memikirkan kesan dan akibat daripada sikap yang suka membuang sampah.



Penyelidik cuba mengkaji kawasan Pekan Tanjung Aru yang semakin membangun sama ada kempen ini berkesan atau disambut baik oleh penduduk Pekan Tanjung Aru atau sebaliknya. Pihak DBKK telah pun memasang kain rentang dan poster serta disiarkan dalam radio tentang kempen ini. Tetapi media seperti risalah, surat khabar, kain rentang, poster, radio dan sebagainya yang digunakan oleh pihak DBKK tidak mendapat reaksi ataupun sambutan dari penduduk Pekan Tanjung Aru sedangkan pihak DBKK telah membelanjakan kos yang tinggi dalam menjayakan kempen Anti Kutu Sampah ini.

Matlamat kempen ini ialah menjadikan Kota Kinabalu sebagai bandaraya tanpa sampah dengan penjenamaan tempat (*Place Branding*) menjanjikan suatu nilai, suatu keputusan, suatu prinsip pengurusan , memainkan peranan dan memberi impak kepada bandaraya. Untuk mencapai penjenamaan tempat ini perlu ada " *place branding*" iaitu perkongsian visi dan matlamat, perkongsian tanggungjawab, memberi komitmen yang berpanjangan, keterlibatan dan sealiran, saling percaya mempercayai, bercakap dalam satu bahasa, bertindak dalam satu tujuan, membuat pelaburan, menilai impak dan keberkesanannya bersama serta merangkumi semua dan saling mewakili. (<http://www.dbkk.gov.my/kempenanti kutu sampah>.

Sebagai pihak yang bertanggungjawab membuat kawalan, maka Pihak Berkuasa Tempatan termasuklah DBKK telah menggariskan beberapa



perkara asas mengenai kebersihan. Antaranya, ialah orang ramai dilarang membuang sampah dengan sesuka hati. Orang ramai dinasihatkan dan diwajibkan menggunakan segala kemudahan yang telah disediakan oleh pihak DBKK misalnya tong sampah untuk kegunaan awam.  
[\(http://www.dbkk.gov.my\)](http://www.dbkk.gov.my)

Kempen ini mendapat bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Persatuan Wartawan Sabah, badan bukan kerajaan, Persatuan Pengusaha Restoran, Persatuan Pengusaha Perhotelan dan sebagainya dalam membantu menyebarkan maklumat dan menyokong kempen ini. Peranan pihak berkuasa tempatan sebenarnya lebih berperanan untuk mengawal keadaan agar tidak menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk.  
(Laporan Akhbar New Sabah Times Online, 19 Disember 2008)

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Isu sampah yang semakin berleluasa di kawasan bandaraya Kota Kinabalu khususnya Pekan Tanjung Aru sekarang semakin kritikal meskipun banyak langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kutu sampah di Pekan Tanjung Aru. Banyak usaha yang telah dilakukan melalui kaedah komunikasi dengan menggunakan media seperti radio, surat khabar, risalah dan sebagainya. Ia berperanan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai masalah kutu sampah seterusnya memberikan kesedaran kepada setiap individu supaya menjaga kebersihan persekitaran demi kesejahteraan hidup kini dan generasi yang akan datang

Walau bagaimanapun penggunaan media masih belum dapat mengatasi masalah kutu sampah sedangkan media seperti surat khabar, risalah, poster, radio dan sebagainya digunakan oleh pihak DBKK dengan meluas di kawasan Pekan Tanjung Aru ini. Penggunaan media sama ada media cetak atau media elektronik ini telah lama digunakan sejak kewujudan kempen anti kutu sampah ini namun tidak memberi sebarang kesan. Justeru itu, pihak DBKK telah mencari kaedah dan inisiatif lain untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga kebersihan

Antara kaedah dan inisiatif yang telah diambil oleh pihak DBKK ialah melalui penguatkuasaan undang-undang. Pihak DBKK telah mewujudkan suatu undang-undang berkaitan tentang isu sampah dan sesiapa yang didapati membuang sampah di merata-rata tempat akan dikenakan denda iaitu sebanyak RM500.00. Namun semuanya adalah bergantung kepada sikap masyarakat itu sendiri. Keberkesanan kempen anti kutu sampah akan mendapat sambutan baik sekiranya penduduk setempat Pekan Tanjung Aru mematuhi undang-undang yang telah digubal oleh pihak DBKK (Laporan akhbar Utusan Malaysia Online, 12 Julai 2008).



## 1.4 Objektif Kajian

### Objektif Umum

Untuk mengetahui keberkesanan kempen anti kutu sampah yang dilaksanakan oleh pihak DBKK.

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan kempen anti kutu sampah dalam mempengaruhi orang awam sama ada kempen ini mendapat sambutan atau sebaliknya. Ia dianalisis daripada isi kandungan mesej tersebut seterusnya membuat penilaian sama ada ia meninggalkan kesan atau sebaliknya kepada orang awam.

Di samping itu juga, pihak DBKK dapat menguji sama ada media cetak dan elektronik yang digunakan adalah sesuai digunakan dalam menjalankan kempen anti kutu sampah ataupun sebaliknya.

### Objektif Khusus

Menilai sebab utama pandangan umum dalam melihat sesuatu kempen sosial khususnya kempen anti kutu sampah.

Orang awam melihat kempen berdasarkan kepada beberapa faktor. Justeru, pengkaji ingin membuat penilaian kepada faktor utama yang menyebabkan kempen anti kutu sampah ini kurang mendapat sambutan akibat kegagalan atau halangan komunikasi disebabkan oleh kandungan mesej yang tidak difahami, mesej yang panjang atau faktor keterlupaan serta penguatkuasaan undang – undang yang longgar.



## 1.5 Persoalan Kajian

- 1) Untuk mengetahui persepsi penduduk Pekan Tanjung Aru terhadap kempen anti kutu sampah kerana setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam memberi persepsi terhadap suatu kempen anti kutu sampah sama ada kempen itu memang serius dilaksanakan oleh Pihak DBKK atau sekadar iklan di sepanjang jalan sahaja.
- 2) Untuk mengetahui sama ada kempen anti kutu sampah ini berkesan atau sebaliknya di persekitaran Pekan Tanjung Aru. Justeru itu, penyelidik perlu mengetahui sama ada kempen ini berkesan lagi pada abad ini meskipun sudah lama dilaksanakan oleh pihak DBKK
- 3) Untuk mengetahui media yang sesual digunakan dalam menjayakan kempen anti kutu sampah di Pekan Tanjung Aru kerana Pihak DBKK telah pun mengedarkan dan menampalkan poster, risalah dan kain rentang untuk memaklumkan kepada para penduduk Pekan Tanjung Aru mengenai kempen berkenaan.



## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingannya kepada pengkaji dan dalam masa yang sama kepada pihak DBKK serta pengkaji lain di masa akan datang yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan kempen anti kutu sampah yang telah dilancarkan oleh Pihak DBKK. Antara kepentingannya ialah penduduk Pekan Tanjung Aru akan lebih memahami tentang objektif kempen anti kutu sampah di masa yang akan datang. Secara tidak langsung ia akan menggalakkan lagi orang ramai melibatkan diri dalam kempen yang berkaitan dan seumpamanya dalam usaha mengelakkan pencemaran alam sekitar demi kesejahteraan hidup rakyat.

Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak DBKK dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan kempen anti kutu sampah. Di samping itu, mereka juga dapat mencari alternatif lain sekiranya kempen ini tidak berjaya atau mengubah cara pendekatan matlamat kempen tersebut agar berkesan. Melalui kajian penyelidik tentang keberkesanan kempen anti kutu sampah ini dapat digunakan oleh pihak DBKK untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan kempen anti kutu sampah dijalankan di kawasan Pekan Tanjung Aru. Cadangan dan tindakan dapat diperolehi melalui kajian penyelidik terhadap keberkesanan kempen anti kutu sampah.



Di samping itu, ia adalah untuk mengetahui sama ada penggunaan media yang sesuai digunakan dalam menyebarkan maklumat mengenai kempen ini kepada penduduk Pekan Tanjung Aru. Oleh itu, kebijaksanaan dan kreativiti amat ditekankan dalam pemilihan media yang sesuai.

### **1.7 Batasan dan Fokus Kajian (tempat)**

Kajian penyelidikan ini akan dilakukan di Pekan Tanjung Aru Sabah. Kajian ini melibatkan penduduk Pekan Tanjung Aru yang mana responden akan dipilih secara rawak dan menepati ciri objektif kajian. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan data-data kuantitatif. Oleh itu, kaedah soal selidik akan digunakan untuk mendapatkan respon mengenai keberkesanan kempen anti kutu sampah.

### **1.8 Hipotesis**

H<sub>1</sub> Kempen anti kutu sampah berkesan dalam menyedarkan penduduk Pekan Tanjung Aru

H<sub>2</sub> Kempen anti kutu sampah tidak berkesan dalam menyedarkan penduduk Pekan Tanjung Aru



## RUJUKAN

- Bahtiar, Hassan & Saidathul Nizah Mat Tazin. 2005. *Perhubungan Awam: Amalan dan Strategi*. Singapura: Thomson Learning.
- Bjorn. 2007. Landskap Negara. *Forum Tenaga dan Alam Sekitar Malaysia-Denmark*. 25 Januari. Kuala Lumpur.
- Dzul Azrie Arahim. 2006. *Kajian Penjanaan Sisa Pejal dan Kepuasan Hati Penduduk. Kajian Kes: Taman Makmur. Kok Lanas, Kelantan*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Esther Wong Toh Ching. 2006. "A Recycling Programme Awareness: In Malaysian Society". Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- H.M Dahlia (1997). *Urbanisasi Alam Kejiwaan Sosial dan Pembangunan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Kuala Lumpur.
- John Vivian. 2003. *The Media Of Mass Communication: sixth edition*. USA: Pearson Education, Inc.
- Mohd Hamdan Haji Adnan. 1988. *Konsep Asas Perhubungan Awam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hamdan Adnan. 1993. *Teknik Perhubungan Awam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mike Hollingsworth. 2003. *How To Get Into Television, Radio and New Media*. New York: MPG Books Ltd.
- Mohd Ruswadi Bin Salleh. 2003. *Kajian Keberkesanan Perangkap Sampah*. Projek Sarjana Muda.
- Miller Katherine .2005, *Communication Theories*. New York: McGraw Hill Companies.



Nor Mohamed bin Mohamed Haniba. (2003). *Perspektif NGO dalam memajukan Pembangunan Lestari di Malaysia*, Forum 21, Petaling Jaya Selangor.

Syed Arabi Idid. 1998. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saodah, Narimah & Mohd Yusuf Hussain. 2003. *Teori-teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

Siti Rabe' ah Binti Othman. 2005. *Keberkesanan Perangkap Sampah dan Sedimen bagi Aliran Air Permukaan dalam Saluran Terbuka*. Projek Sarjana Muda.

#### **JURNAL**

Zainab Abd Wajid et al. Kajian Kesedaran dan persepsi orang ramai terhadap program atau perkhimatan Majlis Perbandaran Petaling Jaya. *Intan Management Jurnal*. Vol 4. Halaman 140-189.

#### **MAJALAH**

Dr. Theng Lee Chong. Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Inovatif. *Era Hijau*. No. 4. 2008.

#### **KAMUS**

*Kamus Dewan* (Edisi baru). 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### **INTERNET**

<http://www.kpkt.gov.my/> Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

<http://www.dbkk.gov.my//kempen anti kutu sampah>

[http://www.tidm.gov.my//kempen anti kutu sampah.](http://www.tidm.gov.my//kempen anti kutu sampah)

[www.bharian.com.my//keberkesanan kitar semula](http://www.bharian.com.my//keberkesanan kitar semula)

[www.new sabah times// kempen anti kutu sampah.](http://www.new sabah times// kempen anti kutu sampah)

Program Kitar semula Majlis Daerah Segamat: <http://www.iohordt.gov.my>

U.S Environmental Protection Agency: <http://www.epa.gov.my>

